

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SEREMBAN
DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, MALAYSIA
[GUAMAN SIVIL NO.: NA-21-NCVC-03-06/2017]**

ANTARA

DATO' MOHD JAN @ AWANG ABDUL GHANI ...PLAINTIF

DAN

- 1. DATO' MOHAMMAD ABDULLAH**
- 2. ZAKARIA MOHAMMAD**
- 3. HASANUDDIN AHMAD**
- 4. HAJI RAIB ABDULLAH**
- 5. HAMZAH ABDUL RAHMAN**
- 6. RAHMAT RANTAU**
- 7. NORDIN AHAD**
- 8. MOHAMAD RUSLAN MOHAMMAD**
- 9. ALAM SUHUT**
- 10. DATO' HAJI JEMAL ZAINAL HAJI KASIM**
(sebagai Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang)
- 11. DEWAN KEADILAN DAN UNDANG NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS**
(yang ditubuhkan di bawah Bab 6, Undang-Undang Tubuh
Kerajaan Negeri Sembilan 1959)
- 12. KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

... DEFENDAN-DEFENDAN

PENGHAKIMAN

[1] Plaintiff dalam pindaan writ dan pindaan pernyataan tuntutan menuntut relief-relief berikut:

- a. deklarası bahawa prosedur pemecatan plaintiff oleh defendan-defendan adalah bertentangan dengan Artikel 5 dan Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu pemecatan tersebut adalah cacat dari segi undang-undang dan tidak sah;
- b. deklarası bahawa ‘Laporan Mengenai Kedudukan Undang Luak Johol Ke-14’ bertarikh 17^{hb} Ogos 2016 adalah cacat dari segi undang-undang, tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan;
- c. deklarası bahawa defendan-defendan telah memecah tanggungjawabnya dari segi perlembagaan (constitutional duties), undang-undang (statutory duties) dan fidusiari (fiduciary duties) bagi menjaga kedaulatan dan martabat plaintiff sebagai Undang Luak Johol Yang Ke-14;
- d. deklarası bahawa defendan ke-12 adalah terkhilaf dari segi undang-undang apabila menerimapakai nasihat oleh defendan ke-11 seperti yang terkandung dalam Laporan Mengenai Kedudukan Undang Luak Johol Ke-14 bertarikh 17^{hb} Ogos 2016;
- e. perintah daripada Mahkamah Yang Mulia untuk mengarahkan perbicaraan semula kes plaintiff di Dewan Keadilan;
- f. deklarası bahawa segala hak dan atau keistimewaan plaintiff sebagai Undang Luak Johol Ke-14 bermula dari tarikh 23^{hb} Mac 2016 sehingga tarikh penghakiman ini hendaklah dikembalikan kepada plaintiff sehingga keputusan perbicaraan semula di Dewan Keadilan diputuskan;

- g. bahawa segala elaun plaintif sebagai Undang Luak Johol Ke-14 yang tertunggak (yang akan ditaksirkan) sehingga tarikh keputusan muktamad Mahkamah Yang Mulia ini hendaklah dibayar oleh defendan ke-12 kepada plaintif;
- h. ganti rugi am;
- i. ganti rugi teladan;
- J. ganti rugi teruk;
- k. kos tindakan ini; dan
- l. lain-lain relief dan atau perintah yang dianggap sesuai dan munasabah oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[2] Latar belakang fakta tuntutan plaintif seperti dinyatakan dalam pindaan pernyataan tuntutan secara ringkasnya adalah:

- 2.1. pada 27 Mac 2016 defendan kedua hingga defendan kesembilan telah datang ke Balai Undang Luak Johol, iaitu kediaman rasmi plaintif bagi membacakan tiga belas pertuduhan salahlaku dan atau kesalahan adat yang didakwa telah dilakukan oleh plaintif.
- 2.2. kesemua pertuduhan tersebut telah disenaraikan dalam sepucuk surat bertajuk “PERLUCUTAN JAWATAN SEBAGAI UNDANG LUAK JOHOL” bertarikh 27 Mac 2016 yang ditandatangani oleh defendan kedua hingga defendan kelapan.
- 2.3. defendan kedua selaku Dato’ Jenang telah membacakan kesemua pertuduhan tersebut kepada plaintif. Pada setiap masa material plaintif tidak pernah diberikan peluang dan atau masa yang secukupnya untuk membela diri dan atau menjawab kesemua pertuduhan tersebut. Walau

bagaimanapun pada setiap masa material plaintif telah menafikan dan mempertikaikan sekeras-kerasnya kesemua pertuduhan tersebut.

2.4. pada 16 Ogos 2016 pihak plaintif telah menyerahkan kepada defendan kesebelas dokumen bertajuk ‘Penggulungan Hujah, Sabda YTM Dato’ Haji Mohd Jan bin Haji Abdul Ghani Terhadap Pendurhakaan Di Luak Johol Yang Dicetuskan oleh Bekas Dato Baginda Tan Mas Bersama Kunci-Kuncunya Pada 27 Mac 2016’ bertarikh 12 Ogos 2016 bagi menjawab, menafikan dan atau mempertikaikan kesemua pertuduhan tersebut yang telah dibacakan kepada plaintif pada 27 Mac 2016.

2.5. pada 17 Ogos 2016 plaintif telah menerima sepucuk surat bertajuk ‘LAPORAN MENGENAI KEDUDUKAN UNDANG LUAK JOHOL KE-14’ daripada pihak defendan kesebelas yang ditandatangani oleh defendan kesepuluh. Kandungan surat tersebut antaranya menyatakan:

2. Adalah dimaklumkan bahawa Dewan Keadilan dan Undang yang bersidang pada 25^{hb} Julai 2016 telah meneliti dan mempertimbangkan semua dokumen yang dibentangkan mengenai isu pemecatan YTM Dato’ Haji Mohd Jan bin Abd Ghani sebagai Undang Luak Johol Ke-14. Sehubungan itu, Dewan menasihatkan dan menerima kesepakatan adat Luak Johol atas keputusan yang dibuat oleh Dato’ Jenang dan Buapak Yang Enam untuk memecat YTM Dato’ Haji Mohd Jan bin Abd Ghani dari menyandang Pusaka Dato’ Johan Pahlawan Lela Perkasa Setia, Undang Luak Johol Ke-14 di atas

kesalahan melanggar pantang larang Adat istiadat Luak Johol.

- 2.6. plaintif melalui peguamcaranya telah menghantar surat bertarikh 23 Ogos 2016 bertajuk “BANTAHAN KERAS TERHADAP LAPORAN MENGENAI KEDUDUKAN UNDANG LUAK JOHOL YANG KE-14 YANG DIBUAT OLEH DEWAN KEADILAN YANG BERSIDANG PADA 25HB JULAI 2016 MELALUI SURAT BERTARIKH 17^{HB} OGOS 2016” kepada defendan kesepuluh, defendan kesebelas dan defendan keduabelas dan memberikan tempoh selama tujuh hari dari surat bantahan tersebut kepada defendan kesepuluh, defendan kesebelas dan defendan keduabelas untuk memberikan penjelasan dan atau jawapan terhadap bantahan yang dibuat. Tetapi sehingga kini tiada apa-apa jawapan yang diterima oleh plaintif daripada defendan kesepuluh, defendan kesebelas dan defendan keduabelas walaupun tempoh tujuh hari tersebut telah tamat.
- 2.7. plaintif menegaskan bahawa satu tidakadilan yang serius “grave injustice” telah diperlakukan oleh defendan-defendan terhadap plaintif apabila dipecat tanpa pernah dibicarakan dan atau dipanggil untuk membela diri, malah kesemua pertuduhan tersebut tidak pernah dibuktikan terlebih dahulu. Selanjutnya plaintif menegaskan bahawa defendan kedua hingga defendan kesembilan tidak mempunyai bidang kuasa dan atau hak untuk memecat plaintif daripada menyandang kedudukan Undang Luak Johol Ke-14 dan pemecatan yang dilakukan terhadap plaintif adalah tidak sah dan terjumlah kepada “wrongful dismissal”.
- 2.8. dan pada 13 Jun 2017 plaintif memfailkan tindakan ini.

- [3] Di hadapan saya sekarang terdapat dua permohonan yang sama sifatnya. Defendan pertama hingga defendan kesembilan melalui Notis Permohonan bertarikh 5 September 2017 (Lampiran 25) dan defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas melalui Notis Permohonan bertarikh 19 September 2017 (Lampiran 27) masing-masing memohon untuk membatalkan writ saman dan pemyataan tuntutan plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) atas alasan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif. Defendan pertama hingga defendan kesembilan dan defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas masing-masing telah memasukkan kehadiran dan memfailkan pembelaan terpinda dan pembelaan.
- [4] Peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan, Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas dan peguamcara plaintif telah memfailkan hujahan bertulis dan berhujah secara lisan di hadapan saya pada 23 Februari 2018.
- [5] Saya telah meneliti permohonan defendan pertama hingga defendan kesembilan dalam Lampiran 25 dan permohonan defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas dalam Lampiran 27. Saya telah menimbang dengan teliti hujahan peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan, hujahan Penasihat Undang-Undang Negeri yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas dan hujahan peguamcara plaintif serta kes otoriti yang dirujuk.
- [6] Atas isu bidang kuasa ini, peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan kedua belas bersandarkan kepada empat kes otoriti; *Dato Menteri Othman bin*

Baginda & Anor v. Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus [1981] 1 MLJ 29; *Dato' Haji Shahari bin Haji Hassan v. Haji Shamsuddin Talib & Ors* [1998] 4 CLJ 859; *Syed Abu Bakar Syed Hassan & Ors v. Zainal Ariffin Haji Ibrahim & Ors* [2005] 7 CLJ 457; *YTM Dato' Othman Ismail v. Dato' Mubarak Dohak & Ors* [2012] 1 LNS 1378. Pada asasnya adalah dihujahkan oleh peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas bahawa berdasarkan kepada kes otoriti yang dirujuk, mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif. Ini adalah kerana apa-apa isu yang melibatkan perkara adat termasuklah pemecatan seorang Undang adalah di bawah bidang kuasa Dewan Keadilan dan Undang menurut peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Fasal 16 (1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 adalah jelas memperuntukkan bahawa Dewan Keadilan dan Undang (defendan kesebelas) mempunyai bidang kuasa untuk menasihatkan atas soal-soal berkaitan dengan adat istiadat orang Melayu termasuk soal ini berkaitan dengan pemilihan atau pemecatan daripada mana-mana jawatan Undang Yang Empat. Peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas selanjutnya berhujah peruntukan Fasal 16(3) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 bahawa nasihat Dewan Keadilan dan Undang adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan atau dipersoalkan di mana-mana mahkamah di atas sebarang alasan telah menyingkirkan bidang kuasa mahkamah untuk mendengar tuntutan plaintif. Berkaitan dakwaan plaintif bahawa terdapat pelanggaran prinsip keadilan asasi peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan berhujah tiada keperluan untuk mahkamah membincangkannya memandangkan isu berkenaan Adat adalah terletak pada Dewan Keadilan dan Undang dan

merujuk penghakiman Lamin Mohd Yunus PMR dalam kes *Dato' Haji Shahari Haji Hassan v. Haji Shamsudin Talib & Ors, supra*.

- [7] Peguamcara plaintif dalam menentang kedua-dua permohonan Lampiran 25 dan Lampiran 27 berhujah bahawa permohonan ini secara jelas dan nyata telah tersasar dari sudut undang-undang dan fakta kerana plaintif tidak pernah menimbulkan isu adat dan atau tidak pernah meminta mahkamah untuk memutuskan apa-apa isu berkaitan adat. Secara dasarnya, tuntutan pokok plaintif seperti yang diipdikan adalah plaintif mempertikaikan prosedur pemecatan yang telah digunakan oleh defendan-defendan terutamanya Dewan Keadilan dan Undang (defendan kesebelas) untuk memecat plaintif daripada menyandang jawatan Undang Luak Johol Keempatbelas. Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif. Kes plaintif menimbulkan persoalan undang-undang serius yang memerlukan pertimbangan dan penentuan mahkamah. Plaintif tidak pernah mempertikaikan hak dan bidang kuasa defendan kesebelas dalam menentukan perihal adat istiadat Melayu Luak Johol, tetapi plaintif mempertikaikan prosedur pemecatannya yang tidak mengikut prinsip-prinsip keadilan asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tuntutan plaintif berdasarkan persoalan undang-undang yang serius iaitu sama ada terdapat kecacatan, kepincangan dan atau ketidakpatuhan prosedur yang serius dalam proses pemecatan plaintif oleh defendan-defendan yang bercanggah dan melanggar prinsip keadilan asasi yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan penentuan oleh mahkamah. Plaintif memohon mahkamah ini untuk memutuskan persoalan sama ada prosedur yang ditetapkan dan atau digunapakai oleh defendan-defendan adalah selaras dengan prinsip keadilan asasi. Tindak tanduk defendan-defendan dalam pemecatan plaintif telah menimbulkan persoalan ketidakpatuhan prosedur. Terdapat ketidakpatuhan prosedur yang telah dilakukan oleh defendan-

defendan antaranya plaintiff tidak pernah dipanggil untuk dibicarakan dan atau diberi peluang untuk menjawab kesemua pertuduhan tersebut; kesemua pertuduhan tersebut tidak pernah dibuktikan; tidak mengambil kira penggulangan hujah pihak plaintiff; persidangan defendan kesebelas pada 25 Julai 2016 dan Laporan Mengenai Kedudukan Undang Luak Johol Ke-14 bertarikh 17 Ogos 2016 adalah bersifat berat sebelah; ‘due process of law’ tidak dipatuhi ketika persidangan tersebut berlangsung dan laporan tersebut tidak menyatakan secara terperinci jumlah koram yang bersidang pada 25 Julai 2016. Empat kes otoriti yang dirujuk oleh peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas adalah tidak terpakai dalam kes ini kerana fakta kes yang berlainan dan relief-relief yang dituntut tidak sama. Plaintiff tidak sama sekali memohon mahkamah ini untuk memutuskan perkara adat tetapi untuk memutuskan sama ada defendan kesebelas yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Negeri Sembilan dan diberikan kebebasan untuk menentukan prosedurnya sendiri boleh mengambil ketetapan prosedur yang bertentangan dengan prinsip keadilan asasi. Ini adalah persoalan pokok yang diajukan oleh plaintiff kepada mahkamah ini. Berdasarkan kepada pliding persoalan yang ditimbulkan oleh plaintiff adalah bermerit untuk dibicarakan dan ini bukanlah satu kes yang nyata dan jelas untuk dibatalkan oleh mahkamah.

- [8]** Prinsip-prinsip atas mana mahkamah bertindak dalam melaksanakan kuasanya di bawah mana-mana satu perenggan A. 18 k. 19(1) KKM 2012 (*pari materia* dengan A. 18 k. 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980) telah dinyatakan oleh Mahkamah Agung dalam *Bandar Builder Sdn. Bhd. & Ors. v. United Malayan Banking Corporation Bhd.* [1993] 4 CLJ 7 seperti berikut:

The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19(1) Rules of the High Court are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley M.R. in *Hubbuck v. Wilkinson* [1899] 1 QB 86) and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously unsustainable (*Attorney General of Duchy of Lancaster v. L& N.W. Ry. Co.* [1892] 3 Ch.274, CA). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (*Wenlock v. Moloney & Ors* [1965] 1 WLR 1238; [1965] 2 All ER 871, CA). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, and objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O. 33 r. 3 (which is in *pari materia* with our O. 33 r. 2 Rules of the High Court) (*Hubbuck v. Wilkinson*) (*supra*). The Court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

- [9] Saya telah meneliti pindaan pernyataan tuntutan plaintiff. Jelasnya ia berkisar kepada isu pemecatan plaintiff sebagai Undang Luak Johol Keempatbelas. Fasal 16(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 memperuntukkan:

There shall be a Dewan Keadilan dan Undang to be called in English “The Council of the Yang di-Pertuan Besar dan the Ruling Chiefs” hereinafter referred to as the Dewan to advise on questions relating to Malay custom in any part of the State including questions relating to the election or succession to or removal from or vacation of office of any of the Ruling

Chiefs referred to in Article XIV or on other matters which may be referred to it by His Highness or any of the Ruling Chiefs and to exercise such functions as may be conferred upon it by this Constitution or any other written law.

- [10] Jelasnya di bawah Fasal 16(1) Dewan Keadilan dan Undang (Dewan) mempunyai bidang kuasa untuk menasihatkan atas soal-soal berkaitan dengan adat Melayu Negeri Sembilan dan ini termasuk soal pemilihan atau pewarisan atau pemecatan atau pengosongan mana-mana jawatan Undang Yang Empat (Ruling Chiefs) yang disebut dalam Fasal 14. Undang Yang Empat termasuk Undang Luak Johol adalah dipilih atau dipecat daripada jawatan menurut adat Luak mereka masing-masing (lihat Fasal 14(1) dan (3)). Dalam kes ini plaintif mempertikaikan bahawa pemecatannya daripada jawatan Undang Luak Johol Keempatbelas adalah tidak mengikut prinsip keadilan asasi dan pemecatannya adalah tidak sah. Dengan hormatnya saya tidak bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif bahawa plaintif tidak sama sekali memohon mahkamah ini untuk memutuskan perkara adat. Pertikaian plaintif berhubung pemecatannya adalah berkaitan soal adat. Ini seperti yang dinyatakan dalam Fasal 16(1) soal-soal berkaitan adat Melayu Negeri Sembilan termasuk soal pemecatan mana-mana Undang Yang Empat. Dan di bawah Fasal 14(3) pemecatan plaintif adalah menurut adat Luak Johol. Pada pendapat saya Fasal 16(1) adalah terpakai di sini bahawa pertikaian tersebut yang berkaitan dengan soal adat, Dewan adalah badan yang betul dan sesuai untuk menjadi pemutus muktamad dan bukannya mahkamah sivil.
- [11] Dalam *Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus*, supra Mahkamah Persekutuan melalui keputusan majoriti memutuskan seperti berikut:

Held, (1) the Dewan Keadilan dan Undang is given power under the Constitution to advise on matters relating to Malay custom and as the Dewan in this case had blessed the appointment of thesecond defendant as the Undang of Jelebu, the court should not attempt to usurp the function of the Dewan, which is a more suitable forum for discharging that function;

(2) the court should decline jurisdiction on the ground that it is forum non conveniens and that there is another body which is more appropriate and which has been given power under the Constitution of the State to decide the matter;

.....

[12] *Dalam Dato' Haji Shahari bin Haji Hassan v. Haji Shamsuddin Talib & Ors, supra* Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

Held:

(1) The election or succession to or the removal from or vacation of the office of the Dato' Shahbandar of Sg. Ujong should be done in accordance with the Malay custom of Negeri Sembilan, in particular the Malay custom of Sg. Ujong. The Dewan which has the capability to decide and determine the issue on Malay custom is the best avenue for such matters and the court should decline jurisdiction in such matters.

.....

[13] *Dalam Syed Abu Bakar Syed Hassan & Ors. v. Zainal Ariffin Haji Ibrahim & Ors, supra* Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

Held:

(1) From the provisions of art. XVI (3) of the laws of the Constitution of Negeri Sembilan 1959 ('the Negeri Sembilan Constitution'), the Dewan Keadilan dan Undang ('the Dewan') has exclusive jurisdiction to give advice on questions relating to, inter alia, Malay custom in any part of the State including the questions of the election or succession to or removal from or vacation of office of, inter alia, the Territorial Chief or Undang of Sungai Ujong in the instant action.

.....

[14] Dan dalam *YTM Dato' Othman Ismail v. Dato' Mubarak Dohak & Ors*, *supra* Mahkamah Tinggi menyatakan:

[11] It is therefore my judgment that since the subject-matter of our present case involves the issue relating to Adat or Malay Custom of Negeri Sembilan, to wit, the election or succession of Undang Luak Sungai Ujong, this court has no jurisdiction to hear and determine the plaintiff's action.

[15] Plaintiff sendiri di dalam pindaan pernyataan tuntutan menyatakan surat yang ditandatangani oleh Setiausaha Dewan (defendan kesepuluh) telah memaklumkan bahawa Dewan yang bersidang pada 25 Julai 2016 telah meneliti dan mempertimbangkan semua dokumen mengenai isu pemecatan plaintiff sebagai Undang Luak Johor Keempatbelas dan menasihatkan dan menerima kesepakatan adat Luak Johor atas keputusan yang dibuat oleh Dato' Jenang dan Buapak Yang Enam untuk memecat plaintiff dari menyandang jawatan Undang Luak Johor Keempat belas di atas kesalahan melanggar pantang larang Adat Istiadat Luak Johor (lihat perenggan 24). Dewan (defendan kesebelas) dengan demikian telah memberi

keputusan dalam bentuk nasihat dan menerima kesepakatan adat Luak Johol atas keputusan yang dibuat oleh Dato' Jenang (defendan kedua) dan Buapak Yang Enam untuk memecat plaintiff dari jawatan Undang Luak Johol Keempatbelas. Dan peruntukan Fasal 16(3) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 adalah terpakai dan keputusan Dewan (defendan kesebelas) berkaitan pemecatan plaintiff daripada jawapan Undang Luak Johol Keempatbelas adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dalam mahkamah ini.

[16] Adalah penghakiman saya bahawa memandangkan perkara subjek dalam kes ini melibatkan isu berkaitan dengan adat Melayu Negeri Sembilan iaitu pemecatan plaintiff daripada jawatan Undang Luak Johol Keempatbelas, dan bersandarkan kepada empat kes otoriti yang dirujuk oleh peguamcara defendan pertama hingga defendan kesembilan dan Penasihat Undang-Undang Negeri yang mewakili defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas, jelasnya mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan plaintiff.

[17] Plaintiff membangkitkan isu bahawa pemecatannya tidak mengikut prinsip keadilan asasi. Untuk ini saya merujuk kepada penghakiman Lamin Mohd Yunus PMR dalam *Dato' Haji Shahari bin Haji Hassan v. Haji Shamsudin bin Talib & Ors, supra* yang menyatakan seperti berikut:

There is the other issue and that is whether there has been compliance with the rules of natural justice in the present case. I do not think that it is necessary or even proper for me to enter into a discussion as to whether rules of natural justice as understood in the civil law have been complied or not by the Dewan in view of my finding that the Adat is the preserve of the Dewan.....

- [18] Mengenai keahlian Dewan Fasal 17 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 memperuntukkan:

The Dewan shall consist of His Highness, the Ruling Chiefs, the Tengku Besar of Sri Menanti, Dato' Shahbandar of Sungai Ujong and such other Malay member or members as may from time to time be appointed for such period as may be prescribed by High Highness and the Undang provided that where the Dewan deliberates on or national policy the Menteri Besar shall be invited to attend.

- [19] Mengenai perkara ini, saya merujuk kepada penghakiman Lamin Mohd Yunus PMR dalam *Dato' Haji Shahari bin Haji Hassan v. Haji Shamsudin bin Talib & Ors, supra* yang menyatakan seperti berikut:

If the writ and the amended statement of claim had not been struck out and the case went on for trial, then the normal court proceedings will take place meaning that the adversarial system will play its role with full force and effect. This may entail examinations and cross examinations of elders not to mention the respectable member of the Dewan and this if without proper control may adversely affect the dignity of the Dewan as a whole. The very nature of the proceedings is foreign to problem solving in the Adat system which is conducted by way of discussions and examinations of issues at first instance The Adat never envisaged that its proceedings be supervised or corrected by another body (the court) which has no knowledge of its workings. This is justice within the Adat and not justice within the law. Also there are still arguments and differences between us, judges in the civil court as to whether declaration or certiorari for example is the appropriate remedy in particular cases in order to attain

procedural justice. To think of wandering into other people's homes, I think we should restrain ourselves.

For the reasons that I have just discussed, I am of the view that in any dispute in matters of the Adat, the Dewan shall be the correct and the proper body to be the final arbiter and not the civil court. The integrity and competency of the Dewan must be respected. Any attempt to approach the civil court for a final solution through its supervisory jurisdiction in matters of the Adat must be taken as an affront to the Dewan.

[20] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan plaintif. Pindaan pernyataan tuntutan plaintif yang pada asasnya mempertikaikan pemecatan plaintif daripada jawatan Undang Luak Johol Keempatbelas telah mendedahkan kausa tindakan yang tidak munasabah. Tidak ada persoalan undang-undang yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini. Isu pemecatan plaintif adalah berkaitan soal adat di mana Dewan adalah badan yang betul dan sesuai untuk menjadi pemutus muktamad dan bukannya mahkamah sivil. Ini adalah suatu kes yang terang dan nyata untuk membatalkan pindaan writ dan pindaan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a) KKM 2012 dan jelasnya tuntutan plaintif adalah tidak boleh dipertahankan (obviously unsustainable).

[21] Mahkamah membenarkan kedua-dua permohonan dalam Lampiran 25 dan Lampiran 27 dan memerintahkan pindaan writ dan pindaan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan dengan kos. Plaintif membayar kos RM10,000.00 kepada setiap defendan. Kos tertakluk kepadapembayaran fi alokatur kecuali defendan keduabelas, kos tidak tertakluk kepada fi alokatur.

Bertarikh: 4 MEI 2018

(MUHAMMAD JAMIL HUSSIN)
PESURUHJAYA KEHAKIMAN MAHKAMAH TINGGI
SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KAUNSEL:

Bagi pihak plaintif - Yusof Rahmat; Ahmad Soleh Yusof; Ahmad Mustaffa; T/n Yusof Rahmat & Co.

Bagi pihak defendan pertama hingga defendan kesembilan - Habizan Rahman & Sarina Alwi; T/n Rahmat Rohaida

Bagi pihak defendan kesepuluh hingga defendan keduabelas - Iskandar Ali Dewa; Penasihat Undang-Undang Negeri; Muhammad Fairuz Iskandar Zainal Abidin